

Seramai 3,892 pesalah muda jalani perintah khidmat masyarakat

OLEH JAINUDIN DJIMIN
jainuddin@newsabahtimes.com.my

LABUAN: Seramai 3,892 pesalah muda telah menjalani Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) sehingga Jun tahun lalu sejak ia diperkenalkan pada tahun 2008.

Demikian diberitahu oleh Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Haji Yunus Kurus ketika berucap merasmikan Kem Jati Diri dan Kerohanian Perintah Khidmat Masyarakat 2016 peringkat Labuan di Pusat Korikulum Jabatan Pendidikan Labuan, Kampung Ganggarak pada Rabu.

Beliau berkata, daripada jumlah itu seramai 2,851 orang berjaya menamatkan perintah itu dan bakinya masih menjalani perintah berkenaan.

“Saya difahamkan Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat mendapati program ini telah memberi kesan yang mendalam ke atas pesalah dan dalam waktu yang sama telah menyusun strategi yang terperinci usaha mencapai matlamat menyediakan perkhidmatan yang lebih baik berteraskan tiga elemen iaitu hukuman, pemulihan dan penginsafan,” katanya.

man mendapati 90 peratus daripada mereka bersetuju program yang dilaksanakan telah memberi peluang kepada pesalah untuk memperbaiki diri daripada terjerumus semula kepada pelbagai masalah yang melibatkan kesalahan perundangan.

Sementara itu, Kem Jati Diri dan Kerohanian Perintah Khidmat Masyarakat yang dijalankan selama tiga hari dua malam turut mendapat kerjasama daripada Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan.


Seramai 14 pesalah muda yang sedang menjalani hukuman telah menyertai kem tersebut.

Yunus berkata, PKM merupakan satu perintah alternative yang dikenakan kepada pesalah muda yang berumur 18 tahun ke atas dan di bawah umur 21 tahun di bawah Seksyen 293 (e) (i) Kanun Tata Jenayah untuk memberi pengajaran agar mereka tidak mengulangi kesalahan dan kembali ke pangkuan masyarakat.

Hadir sama pada majlis itu, Ketua Penolong Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat (JPKA) Sabah merangkap Ketua Unit Kanak-Kanak dan Perintah Khidmat Masyarakat Sabah, Hajjah Rugayah




... Yunus menyampaikan cenderahati kepada jurulatih yang in Kem Jati Diri dan Kerohanian PKM di Pusat Kor Jabatan Pendidikan,





CENDERAHATI... Yunus menyampaikan cenderahati kepada jurulatih yang mengendalikan Kem Jati Diri dan Kerohanian PKM di Pusat Kor Jabatan Pendidikan, pada Rabu.



PESERTA ... sebahagian peserta yang menyertai Kem Jati Diri dan Kerohanian PKM peringkat negeri Wilayah Persekutuan Labuan.

Seramai 3,892 pesalah muda jalani perintah khidmat masyarakat

OLEH JAINUDIN DJIMIN
jainuddin@newsabahtimes.com.my

LABUAN: Seramai 3,892 pesalah muda telah menjalani Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) sehingga Jun tahun lalu sejak ia diperkenalkan pada tahun 2008.

Demikian diberitahu oleh Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Haji Yunus Kurus ketika berucap merasmikan Kem Jati Diri dan Kerohanian Perintah Khidmat Masyarakat 2016 peringkat Labuan di Pusat Kurikulum Jabatan Pendidikan Labuan, Kampung Ganggarak pada Rabu.

Beliau berkata, daripada jumlah itu seramai 2,851 orang berjaya menamatkan perintah itu dan bakinya masih menjalani perintah berkenaan.

"Saya difahamkan Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat mendapati program ini telah memberi kesan yang mendalam ke atas pesalah dan dalam waktu yang sama telah menyusun strategi yang terperinci usaha mencapai matlamat menyediakan perkhidmatan yang lebih baik berteraskan tiga elemen iaitu hukuman, pemulihan dan penginsafan," katanya.

Beliau berkata, hasil semakan yang dibuat ke atas 1,283 bekas pelatih Perintah Khidmat Masyarakat yang berjaya menamatkan huku-

man mendapati 90 peratus daripada mereka bersetuju program yang dilaksanakan telah memberi peluang kepada pesalah untuk memperbaiki diri daripada terjerumus semula kepada pelbagai masalah yang melibatkan kesalahan perundangan.

Sementara itu, Kem Jati Diri dan Kerohanian Perintah Khidmat Masyarakat yang dijalankan selama tiga hari dua malam turut mendapat kerjasama daripada Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan.

Seramai 14 pesalah muda yang sedang menjalani hukuman telah menyertai kem tersebut.

Yunus berkata, PKM merupakan satu perintah alternative yang dikenakan kepada pesalah muda yang berumur 18 tahun ke atas dan di bawah umur 21 tahun di bawah Seksyen 293 (e) (i) Kanun Tata Jenayah untuk memberi pengajaran agar mereka tidak mengulangi kesalahan dan kembali ke pangkuan masyarakat.

Hadir sama pada majlis itu, Ketua Penolong Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat (JPKA) Sabah merangkap Ketua Unit Kanak-Kanak dan Perintah Khidmat Masyarakat Sabah, Hajjah Rugayah Awang Besar dan Timbalan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Labuan, Haji Azlan Haji Ashar.